



**NAJIB RAZAK (tengah)** tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur bagi menghadiri perbicaraan hari keempat kes SRC International di Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

## 'Panas' dari pagi hingga ke petang

**KUALA LUMPUR 17 April** - Suasana perbicaraan kes bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang didakwa atas tujuh pertuduhan salah guna jawatan, pecah amanah dan menerima hasil aktiviti haram berjumlah RM42 juta membabitkan dana syarikat SRC International Sdn. Bhd. yang memasuki hari keempat hari ini agak 'panas'.

Pada mulanya, sekitar pukul 10.15 pagi, pihak pendakwaan dan pembelaan bertikam lidah berhubung cara pemeriksaan semula dijalankan terhadap saksi pendakwaan kedua, Pengurus Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan BNM, Azizul Adzani Abdul Ghafar.

Peguam bela Harvinderjit Singh yang mewakili Ahli Parlimen Pekan itu menyatakan, pihak pendakwaan tidak boleh

membuat pemeriksaan semula dengan bertanyakan perkara yang tidak ditimbulkan pada soalan balas dan seolah-olah memberikan jawapan terhadap soalan yang diajukan.

Peguam Negara, Tommy Thomas menegaskan pihak pendakwaan mempunyai cara tersendiri dalam mengendalikan pemeriksaan semula dan hanya ingin mempercepatkan proses bertanya soalan.

"Kami tidak perlukan pembelaan untuk mengajar kami. Kami tidak perlukan peguam bela untuk mencadangkan kaedah pemeriksaan semula. Kami telah mendengar pemeriksaan balas hingga lima jam. Kami beri ruang kepada beliau (Harvinderjit).

"Tak bolehkah berikan ruang yang sama (kepada pendakwaan). Gaya pemeriksaan oleh setiap pe-

guam adalah berbeza. Saya terlibat dengan perbicaraan selama 42 tahun walaupun berkaitan kes sivil namun perbicaraan adalah perbicaraan," katanya.

Dalam masa sama, jurugambar yang berkumpul di luar Dewan Mahkamah Tinggi Jenayah 3 bertikam lidah dengan pengawal keselamatan mahkamah yang menghalang mereka merakam gambar saksi dari balik pintu kaca.

Selepas prosiding berakhir sekitar pukul 5 petang, Najib dilihat memarahi salah seorang anggota polis yang mengiringinya yang cuba menghalang seorang lelaki dipercayai anggota media daripada mendekati bekas Perdana Menteri itu.

"Jangan halang! Biar dia nak tanya!" kata Najib sebelum anggota polis tersebut beredar.